



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL. 35/2025

MENJELANG PROSES PENGUNDIAN PILIHAN RAYA UMUM (PRU) DEWAN UNDANGAN SABAH KE-17

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menjalankan proses semakan peralatan mengundi seperti peti undi, dakwat pilihan raya, kertas undi, petak undi dan sebagainya bagi kegunaan Hari Mengundi dalam Pilihan Raya Umum (PRU) Dewan Undangan Sabah ke-17 esok, **29 November 2025 (Sabtu)**.
2. Proses semakan ini untuk memastikan kesemua peralatan atau kelengkapan bagi Hari Mengundi lengkap dan dalam keadaan baik. Kesemua peralatan ini diagihkan kepada Ketua-Ketua Tempat Mengundi (KTM) bagi setiap Tempat Mengundi (Saluran).
3. Seramai **28,533 orang** petugas akan bertugas bagi proses pengundian ini nanti. Bagi **PRU Dewan Undangan Sabah ke-17 ini**, sebanyak **882 Pusat Mengundi** dan **3,559 Saluran** akan dibuka untuk tujuan pengundian.
4. Seramai **1,742,934 orang** pengundi bakal mengundi dalam PRU Dewan Undangan Sabah kali ini. SPR berharap semua pengundi menjalankan tanggungjawab mereka dengan keluar mengundi.

PENGUNAAN PETI UNDI TAMBAHAN DI TEMPAT MENGUNDI (SALURAN)

5. SPR juga ingin memaklumkan berhubung penggunaan peti undi di saluran adalah tertakluk kepada jumlah calon bertanding dan jumlah pemilih seperti berikut:

Jumlah Calon	<450 orang pemilih	>450 orang pemilih
7 hingga 12 penjur	1 buah	2 buah
13 hingga 14 penjur	2 buah	3 buah

6. Penggunaan lebih daripada satu peti undi ini adalah kerana saiz kertas undi yang besar dan memerlukan ruang yang mencukupi untuk memuatkan semua kertas undi yang telah ditanda oleh pengundi pada Hari Mengundi.

MASA KELUAR MENGUNDI

7. Pengundi dinasihatkan untuk tidak keluar mengundi pada saat-saat akhir dan digalakkan supaya keluar mengundi mengikut **Masa Keluar Mengundi Yang Digalakkan** seperti mana yang tercatat pada **aplikasi MySPR Semak**. Walau bagaimanapun, pengundi masih boleh keluar mengundi mengikut kelapangan masa dari **pukul 7.30 pagi hingga 5.30 petang ATAU mengikut waktu Pusat Mengundi yang diwartakan**.
8. Pengundi juga diingatkan supaya membawa **kad pengenalan** dan **catatan maklumat pengundian** serta menunjukkannya kepada Kerani Pengundian Pertama (KP1) di saluran. Catatan maklumat

pengundian itu akan memudahkan Kerani Pengundian membuat semakan nama pengundi serta membantu kelancaran proses pengundian pada Hari Mengundi.

9. Justeru itu, pengundi adalah dinasihatkan untuk membuat **semakan awal maklumat pengundian** untuk mengetahui **maklumat pusat mengundi, saluran mengundi dan nombor bilangan** mereka melalui portal semakan di pautan **<https://mysprsemak.spr.gov.my>** atau hubungi **Hotline SPR di talian 03-8892 7018** atau melalui aplikasi **MySPR Semak**.
10. Pengundi diingatkan supaya **tidak menyerahkan kad pengenalan** mereka kepada **pihak lain selain daripada petugas pilihan raya**.
11. SPR juga ingin mengingatkan para **majikan supaya membenarkan tempoh yang munasabah kepada pekerja** mereka yang berdaftar sebagai pemilih untuk keluar mengundi pada **PRU Dewan Undangan Sabah pada 29 November 2025 (Sabtu)** sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.

TAMAT TEMPOH RASMI BERKEMPEN

12. SPR sekali lagi mengingatkan semua pihak yang bertanding bahawa tempoh rasmi berkempen akan tamat pada pukul **11.59 malam, 28 November 2025 (Jumaat)**.
13. Selepas tempoh itu berakhir, semua pihak hendaklah menghentikan sebarang bentuk aktiviti berkempen termasuk aktiviti merayu undi termasuklah di luar Pusat Mengundi dan juga melalui saluran media sosial seperti *Facebook, X, Instagram, TikTok, Threads* dan lain-lain.

14. SPR juga mengingatkan bahawa semua parti atau calon bertanding adalah **dilarang untuk membuka, membina atau menyelenggara barung pada Hari Mengundi** kerana perkara tersebut merupakan satu kesalahan di bawah **Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954**.
15. Semua calon diingatkan untuk membersihkan bahan-bahan kempen yang telah diletakkan/dipamerkan sepanjang tempoh berkempen dalam masa yang telah ditetapkan dibawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 dan undang-undang kecil pihak berkuasa tempatan.

LARANGAN PENGGUNAAN TELEFON BIMBIT DI TEMPAT MENGUNDI (SALURAN)

16. SPR mengingatkan kepada semua pengundi bahawa **penggunaan telefon bimbit** di tempat mengundi (saluran) adalah **tidak dibenarkan**. Sebagai peringatan, notis atau poster larangan penggunaan telefon bimbit akan diletakkan di luar dan di dalam tempat mengundi.
17. SPR turut menetapkan bahawa pengundi yang membawa telefon bimbit ke tempat mengundi perlu **meletakkan telefon bimbit di tempat yang telah disediakan setelah menerima kertas undi dan mengambilnya semula setelah selesai mengundi**.
18. Pelaksanaan tatacara pengundian yang baharu ini boleh dirujuk menerusi poster **Tatacara 10 Langkah Pengundian** yang menjelaskan proses pengundian sepenuhnya. Pengundi juga diingatkan agar sentiasa menjaga kerahsiaan undi masing-masing.

MEMAKAI BAJU ATAU MEMBAWA *MATERIAL* BERSIMBOL PARTI ATAU BERUNSUR KEMPEN CALON

19. Semua pengundi, calon dan petugas yang ingin memasuki Pusat Mengundi pada Hari Mengundi **dilarang memakai baju / topi / pelitup separuh muka (facemask) atau membawa material yang mempunyai nama / lambang/ simbol / gambar parti atau calon yang bertanding atau apa-apa bahan kempen serta sebarang *tagline* atau slogan kempen yang menjurus atau membawa maksud sokongan atau cenderung kepada mana-mana fahaman politik.** Kegagalan pengundi mematuhi atau melanggar peruntukan yang ditetapkan boleh menyebabkan pengundi dilarang dari memasuki Pusat Mengundi oleh petugas pilihan raya.
20. SPR berharap semua pihak mematuhi undang-undang, peraturan dan etika pilihan raya bagi memastikan kelancaran proses pilihan raya serta tidak menggugat ketenteraman awam. Sebarang pelanggaran undang-undang yang berkaitan boleh dikenakan tindakan.

Sekian, terima kasih.

DATUK KHAIRUL SHAHRIL BIN IDRUS
Setiausaha
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia
28 November 2025 / 7 *Jamadilakhir* 1447H